



HAKIKAT BIDAAH HASANAH DAN SAYYI'AH MENURUT AHLI AKADEMIK DI IPTA MALAYSIA

(The Concept of Hasanah and Sayyi'ah Bidaah According to Academics at Malaysian Public Higher Education Institutions)

Amran Abdul Halim¹

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

Article Progress

Received: 23 October 2024

Revised: 21 November 2024

Accepted: 10 December 2024

*Corresponding Author:

Amran Abdul Halim.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email:

amranabdulhalim@usim.edu.my

Abstract

This paper aims to explore the perspectives of academic scholars on Imam al-Shafi'i's categorization of bidaah into hasanah (good) and sayyi'ah (bad). The selected scholars are from the Academy of Islamic Studies at Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, and Universiti Islam Antarabangsa, representing various fields within Islamic Studies. The research employs a survey method, specifically using cluster sampling. The author distributed the survey forms to academic staff at these universities. Based on the descriptive analysis of the survey results, it can be concluded that the scholars possess a strong understanding of hadith and the concept of bidaah. They also perceive that the study of hadith is insufficiently emphasized within society. Analyzing the overall responses, particularly regarding the concept of bidaah as derived from the hadiths of Kutub al-Tis'ah, their views align closely with those of scholars such as al-Nawawi, al-Syatibi, Ibn Hajar al-'Asqalani, and others. Consequently, these scholars are well-positioned to serve as references for the community in addressing issues related to bidaah, particularly those specializing in hadith. It is hoped that this paper will provide guidance to educators, institutions, religious departments, and others in contributing valuable knowledge to the Muslim community, enhancing their understanding of the hadith of the Prophet Muhammad (SAW), applying these teachings in their lives, and clarifying any confusion or misunderstandings regarding Imam al-Shafi'i's categorization of bidaah.

Keyword: Hasanah, sayyi'ah, bidaah, academics, Kutub al-Tis'ah

PENDAHULUAN

Bid'ah menurut al-Syatibi ialah suatu jalan, amalan atau petunjuk yang direka cipta atau perkara baru dalam agama sehingga seolah-olah ianya dianggap menyerupai amalan atau cara syariat dengan bertujuan untuk menjadikannya sebagai tatacara agama serta berlebih-lebihan dalam konteks beribadat kepada Allah SWT. Takrif ini dikhususkan kepada ibadat sahaja, tidak termasuk perkara adat. Jika dimasukkan perkara adat ia bermaksud suatu jalan yang direka cipta dalam agama yang dianggap menyerupai syariat, dengan bertujuan untuk menjadikannya sebagai tatacara agama sepertimana yang diamalkan dalam hukum syara¹. Takrif pertama lebih tepat memandangkan bid'ah berlawanan dengan *al-Sunnah*. Ini adalah kerana *al-Sunnah* ialah *tariqah* (jalan) Rasul Allah SAW. Oleh itu keterangannya adalah perkara-perkara agama, bukan perkara-perkara adat². Bid'ah juga termasuk sesuatu yang diada-adakan oleh hati, dituturi oleh lidah dan dilakukan oleh anggota³.

Takrif yang dinyatakan oleh al-Syatibi iaitu menyerupai amalan dan cara syariat ialah sebagai penegasan iaitu pada hakikatnya sesuatu yang diada-adakan dalam agama tidak ada dalam syariat,

¹ Al-Syatibi, *al-I'tisam*, tahqiq Salim al-Hilali, (Arab Saudi: Dar Ibn 'Affan, 1992), 1:50.

² 'Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makanatuha fi al-Tasyri*, (t.t. dan t.t.p.), 19.

³ 'Ali ibn Hasan al-Halabi, *'Ilm Usul al-Bida'*, (Riyad: Dar al-Rayah, 1992), 23.

bahkan ia bertentangan dengan syariat itu sendiri dari tiga aspek. Pertama ia membatasi diri dengan sesuatu yang tidak ada dalil dalam syariat seperti bernazar untuk berpuasa dengan berdiri di bawah cahaya matahari yang terik tanpa bernaung, memutuskan hubungan duniawi dan meninggalkan makan dan minum tanpa sebab dan alasan.

Keduanya ialah mengharuskan diri dengan cara-cara dan bentuk-bentuk ibadah tertentu seperti membaca zikir beramai-ramai secara serentak atau memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad SAW dengan mewajibkan membaca zikir-zikir tertentu.

Ketiganya ialah mengerjakan ibadah pada waktu-waktu yang tertentu seperti berpuasa pada awal Muhamarram dan lain-lain, yang mana tidak ada dalilnya yang menganjurkan perkara tersebut. Inilah yang dimaksudkan dengan usaha untuk menyerupai syariat sebagaimana menurut al-Syatibi. Ringkasnya, menyerupai syariat dilihat dari tiga aspek; iaitu pembatasan diri, mengada-adakan bentuk ibadah-ibadah tertentu dan pengkhususan waktu, yang mana kesemuanya tidak ada dalil yang menetapkan perkara-perkara tersebut⁴.

Manakala kenyataan al-Syatibi yang menyebut “berlebih-lebihan dalam konteks beribadah kepada Allah SWT” adalah merupakan penjelasan yang melengkapkan kefahaman dan pegrtian bid’ah. Perkataan berlebih-lebihan menunjukkan tanggapan pelaku bid’ah iaitu dengan cara tersebut mereka semakin dekat dengan Allah SWT yang mana mereka cuba menokok tambah dalam syariat atau memaksa diri melakukan ibadah⁵.

Menurut Imam al-Syafi`i, bid’ah ialah sesuatu yang diada-adakan yang menyalahi sama ada al-Qur'an, *al-Sunnah, ijma`* atau *athar*, iaitu yang dikenali sebagai bid’ah yang sesat. Sekiranya tidak menyalahi mana-mana daripada perkara tersebut, ia tidak dikategorikan sebagai bid’ah yang sesat⁶.

Menurut al-Suyuti, bid’ah ialah ibarat daripada sesuatu perbuatan yang meruntuhkan syariat dengan cara melakukan perbuatan yang menyalahi syariat dengan menambah atau mengurangkan sesuatu dalam agama⁷.

Menurut Ibn Manzur, bid’ah ialah mengada-adakan sesuatu atau memulakannya, iaitu suatu perkara atau amalan baru yang direka cipta selepas sempurnanya syariat Islam yang diturunkan ke atas umat Islam⁸.

Berdasarkan definisi-definisi ini dapatlah kita fahami di sini bahawa bidaah adalah sesuatu yang diada-adakan tanpa ada asas sebelumnya dan contoh yang boleh diikuti. Bidaah juga merangkumi sesuatu yang dikeji oleh syara' dan dilarang sama ada ia diadakan sebagai agama Allah atau syariat ataupun sebaliknya. Segala amalan, perbuatan, hukum-hakam dan lain-lain yang dilakukan dengan tidak mengikut saluran yang dibenarkan oleh syara' dianggap sebagai bidaah.

Kajian Terdahulu (Literature Review)

Sepanjang pemerhatian penulis, memang terdapat kajian-kajian berkaitan bidaah, sama ada kajian perpustakaan (*library research*) mahupun kajian lapangan. Walau bagaimana pun kebanyakannya lebih banyak memberi tumpuan kepada contoh-contoh bidaah yang berlaku dalam masyarakat dahulu dan kini. Di samping itu terdapat juga kajian-kajian dalam bentuk latihan ilmiah, antaranya ialah:

⁴ 'Izzat 'Ali, *al-Bid'ah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam Al-Syatibi terhadap Konsep Sunnah dan Bid'ah: Analisis terhadap Kitab Al-I'tisam dan Al-Muwafaqat* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 93-94.

⁵ 'Izzat 'Ali, *al-Bid'ah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam al-Syatibi*, 94.

⁶ 'Izzat 'Ali, *al-Bid'ah*, 160.

⁷ 'Abd. Al-Rahman ibn. Abu Bakr al-Suyuti, *Haqiqah al-Sunnah wa al-Bid'ah*, (Mesir: Dar al-Insan, 1985), 26.

⁸ Ibn Manzur (1988), *op.cit.*, h. 341.

- 1) Faridah bt Sulaiman (1991), "Masalah Sunnah dan Bidaah di dalam Masyarakat Islam Kelantan: Tumpuan kepada Kitab *al-Qawl al-Mufid li Ifadah al-Mustafid*" karya Hj Muhammad b. Idris" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- 2) Bungsu @ Aziz b. Jaafar (1988), "Bidaah Dalam Peribadatan Orang Melayu" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 3) Ramlah Ab. Hamid (1994), "Bidaah Menurut Islam: Satu Kajian Khusus di Kalangan Masyarakat Melayu di Kuantan, Pahang" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 4) Hishamudin Hashim (1994), "Konsep Ahli Sunnah Wal Jama'ah Perlis: Pandangannya terhadap Persoalan Aqidah, Khurafat dan Bidaah" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 5) Fauziah Pandin (1997), "Perkara-Perkara Bidaah dalam Pengurusan Jenazah: Satu Kajian di Daerah Lawas, Sarawak" (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Manakala kajian dalam bentuk laporan penyelidikan yang dibuat oleh para penyelidik dari Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia ialah yang dihasilkan oleh:

- 6) Nooraishah bt. Saimi (1993), "Bidaah dan Khurafat: Satu Tinjauan Dalam Adat Istiadat Masyarakat Islam di Bahagian Keenam Sarawak" (Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- 7) Suryani bt. Zakaria (1992), "Kemurnian Ajaran Islam Dalam Amalan Masyarakat: Suatu Kajian Khusus Terhadap Amalan-amalan Bidaah dan Khurafat di Bulan Ramadan di kalangan Masyarakat Islam di Kelantan" (Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- 8) Rahana bt. Said (1993), "Perkara-perkara Khurafat dan Bidaah di Sekitar Upacara Kematian Masyarakat Melayu: Kajian di Kuala Terengganu" (Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 9) Mohd Nizho bin Abd Rahman, Mohd Khadafi Hj Rofie, Dr Muhammad Khairul Anwar Osman (2003), "Amalan Bidaah dalam Pengurusan Jenazah: Kajian di Kubang Pasu" (Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman).

Manakala hasil penulisan disertasi berkenaan dengan bidaah dan khurafat ditulis oleh Siti Sobah bt Sulaiman (2003), "Bidaah dan Khurafat Dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor" (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Disertasi ini lebih mengfokuskan kepada subjek kajian iaitu masyarakat Islam di kawasan Jeram, Selangor. Pengkaji menganalisis beberapa contoh amalan bidaah dan khurafat yang masih diamalkan oleh masyarakat tersebut, tahap kesedarannya, peranan ilmu dalam mencegah bidaah dan khurafat serta usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib untuk menyebarkan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat.

Terdapat juga hasil penulisan disertasi dalam bidang fiqh dan usul yang mengkhususkan kepada sesuatu amalan yang telah disyariatkan dalam Islam atau sesuatu mazhab, tanpa difokuskan kepada kitab-kitab hadith. Antaranya seperti yang dilakukan oleh Ahmad Misbah bin Mohd Hilmi (2005), "Amalan Bidaah dalam Perkahwinan: Suatu kajian di dalam Masyarakat Islam, Ipoh, Perak" (Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Fokus kajian ini adalah terhadap amalan dan adat istiadat dalam perkahwinan dengan tujuan untuk dinilai semula dengan garis panduan menurut syariat Islam. Pengkaji mengklasifikasikan setiap amalan yang berlaku dalam majlis perkahwinan sama ada ianya bidaah atau sunnah yang berdasarkan kepada mazhab Syafi'i iaitu pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah*. Pengkaji juga menghuraikan amalan adat dalam majlis *walimatul 'urus* masyarakat Islam di bandaraya Ipoh, Perak, pandangan Islam terhadap segala amalan seperti mandi limau, berandam, berzanji, persandingan dan lain-lain dan juga adat-adat dalam majlis kahwin masyarakat tersebut.

Manakala yang dikhurusukan kepada sesuatu mazhab seperti yang dihasilkan oleh Ahmad Husni b. Haji Hasan (2003), "Bidaah Menurut Mazhab Syafi'i: Satu Analisis Terhadap Amalan Masyarakat Islam di Ipoh" (Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Secara teori, pengkaji menghuraikan permasalahan bidaah berdasarkan kaedah mazhab Syafie. Pengkaji membincang dan membuat pentarjihan berhubung dengan apa dan kenapa para fuqaha' berselisih pendapat mengenai permasalahan bidaah. Amalan yang dikaji ialah kematian, kahwin, persedian bersalin dan selepasnya, aqiqah, halaqat-halaqat berzanji di kalangan masyarakat India Muslim dan lain-lain. Pengkaji juga menjelaskan istilah-istilah yang berkaitan dengan bidaah dan aspek pembahagian bidaah dalam mazhab Syafie, serta menganalisis terhadap beberapa amalan bidaah di bandaraya Ipoh, hukum pengamalannya dan amalan-amalan bidaah yang masih aktif dan yang tidak lagi aktif. Pengkaji tidak memfokuskan kajiannya terhadap mana-mana kitab hadith.

Objektif Kajian

Mengenalpasti pandangan ahli akademik terhadap hakikat dan penjelasan mengenai bidaah *hasanah* dan *sayyi'ah*, adakah bertepatan dengan pandangan para ulama' seperti al-Nawawi, al-Syatibi, Ibn Hajar al-'Asqalani dan lain-lain.

Metodologi Kajian

Soal selidik telah diedarkan kepada ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian Islam di empat buah IPTA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Di Universiti Malaya, ia melibatkan Akademi Pengajian Islam (APIUM) dan Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Kelantan. Terdiri daripada bidang Usuluddin dan Syariah yang terbahagi kepada beberapa jabatan seperti Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Sejarah dan Tamadun Islam, Dakwah dan Pembangunan Insan, Akidah dan Pemikiran Islam, Syariah dan Pengurusan, Syariah dan Ekonomi, Fiqh dan Usul, Syariah dan Undang-Undang dan Siyasah Syar'iyyah. Manakala di UKM ia melibatkan Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang terdiri daripada Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Usuluddin dan Falsafah, Syariah, Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam dan Unit Bahasa Arab. Di USIM pula, ia melibatkan pensyarah dari Fakulti Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Manakala UIA, ia melibatkan Fakulti Ilmu Wahyu iaitu Jabatan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Pengajian Umum.

Dalam soal selidik kajian, penyelidik menggunakan skala Likert lima mata (1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4- Setuju dan 5- Sangat Setuju dan 1- Tidak Pernah, 2- Jarang, 3- Kadang-kadang, 4- Kerap, 5- Amat Kerap). Oleh itu nilai koefisien *Cronbach Alpha* digunakan untuk membuktikan sama ada item-item soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi atau rendah. Menurut Rohana Yusof, nilai koefisien *Cronbach Alpha* dan koefisien *Kuder Richardson* merupakan ujian statistik kebolehpercayaan inter-item iaitu kebolehpercayaan dalaman/ketekalan dalaman. Kebolehpercayaan dalaman ini merujuk ketekalan terhadap item-item yang mengukur konsep atau konstruk secara khusus⁹.

Keputusan Analisis

Bahagian ini terdiri daripada lima item bertujuan untuk mengenalpasti pandangan ahli akademik terhadap konsep bidaah *hasanah* dan *sayyi'ah*. Untuk bahagian ini, skala yang digunakan adalah skala Likert lima mata iaitu:

- | | | |
|-------------------------|-------------------|-----------------|
| 1 – Sangat Tidak Setuju | 2 – Tidak Setuju | 3 – Tidak Pasti |
| 4 – Setuju | 5 – Sangat Setuju | |

⁹ Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publications & Distributor SDN. BHD, 2003), 111.

Soal Selidik

Persepsi dan pandangan ahli akademik adalah berdasarkan soal selidik dalam kajian ini seperti berikut:

1. Setiap amalan yang dilakukan yang tiada asal usulnya daripada syara' akan ditolak dan dikira bidaah
2. Pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah* telah mengelirukan umat Islam
3. Orang yang berilmu juga melakukan bidaah disebabkan oleh kekeliruan tersebut.
4. Bidaah *hasanah* hanya dalam hal-hal dunia ni sahaja, bukannya dalam ibadat dan akidah
5. Maksud bidaah dari kata-kata 'Umar ibn al-Khattab RA iaitu "Sebaik-baik bidaah ialah perkara ini" ialah dari sudut bahasa, bukannya syara'.
6. Umar ibn al-Khattab RA mengumpulkan orang ramai untuk solat tarawih berjemaah asalnya adalah sunnah Rasul Allah SAW.

Keputusan Analisis Item-Item Soal Selidik

Bahagian soal selidik adalah berkaitan dengan persepsi dan pandangan responden terhadap konsep bidaah *hasanah* yang difahami oleh mereka. Oleh itu, ia akan dapat menyelesaikan objektif kajian ini. Bahagian ini terdiri daripada enam item atau pernyataan berkaitan dengan perkara tersebut.

1.0


Setiap amalan yang dilakukan yang tiada asal usulnya daripada syara' akan ditolak dan dikira bidaah

Jadual 4.26 Taburan Kekerapan Item 1.0

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	5	3.3	3.3	3.3
TIDAK SETUJU	21	14.0	14.0	17.3
TIDAK PASTI	9	6.0	6.0	23.3
SETUJU	76	50.7	50.7	74.0
SANGAT SETUJU	39	26.0	26.0	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah: Carta Palang Item 1.0



Sumber: Soal Selidik

Merujuk jadual 4.26 di atas, majoriti responden bersetuju bahawa apa-apa amalan yang dilakukan yang tiada asal usulnya daripada syara' akan ditolak dan dianggap bidaah. Majoriti mereka adalah mewakili 76 orang atau 50.7% yang bersetuju dengan kenyataan di atas, diikuti oleh responden yang sangat setuju iaitu 39 orang atau 26%. Sebaliknya, 21 responden (14%) lagi tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Manakala 5 responden atau 3.3% menyatakan sangat tidak setuju. Bagi responden yang menyatakan tidak pasti, mereka hanya mewakili 9 orang atau enam peratus.

Pandangan majoriti responden tersebut adalah bertepatan dengan hadith 'A'isyah RA iaitu:

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.¹⁰

Terjemahan: "Sesiapa yang beramal dengan amalan yang bukan dari urusan kami, amalan tersebut akan ditolak".

Hadith di atas jelas menolak segala perkara atau amalan yang baru, sama ada diada-adakan oleh pembuatnya ataupun golongan yang terdahulu. Ia juga boleh dibuat hujah untuk membantalkan semua akad-akad yang dilarang dalam Islam seperti akad nikah, jual beli dan lain-lain kerana maksud "ia ditolak" dari segi zahirnya menunjukkan kepada kerosakan atau kebatilannya serta menolak semua larangan-larangan yang bukan terdiri daripada perkara-perkara agama¹¹.

2.0

Pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah* telah mengelirukan umat Islam

¹⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Uqdiyah, no. hadith 1718. Lihat: Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 983.


¹¹ Al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, 12: 380.

Jadual Taburan Kekerapan 2.0

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	21	14.0	14.0	14.0
TIDAK SETUJU	52	34.7	34.7	48.7
TIDAK PASTI	23	15.3	15.3	64.0
SETUJU	44	29.3	29.3	93.3
SANGAT SETUJU	10	6.7	6.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah: Carta Palang Item 2.0



Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.27 di atas, ia menunjukkan bilangan responden yang sangat tidak setuju dengan kenyataan yang menjelaskan pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah* telah mengelirukan umat Islam adalah sebanyak 21 orang atau 14%. Responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas ialah sebanyak 52 orang atau 34.7%. Bagi responden yang tidak pasti dengan perkara ini, bilangan mereka adalah sebanyak 23 orang atau 15.3%. Manakala responden yang setuju dengan kenyataan tersebut ialah sebanyak 44 orang atau 29.3%. Sepuluh responden atau 6.7% pula sangat setuju dengan hal ini.

Bidaah *hasanah* dan *sayyi'ah* ialah pembahagian yang dibuat oleh Imam al-Syafi'i. Menurut beliau bidaah terdiri daripada dua jenis iaitu bidaah *mahmudah* (terpuji) dan *madhmumah* (tercela). Bidaah yang tidak bertentangan dengan *al-Sunnah* dikira bidaah yang terpuji (boleh diamalkan), manakala yang bertentangan dengan *al-Sunnah* adalah tercela¹². Menurut beliau lagi, setiap perkara baru (*muhdathah*) yang diamalkan jika menyalahi al-Qur'an, sunnah, ijma' atau kata-kata sahabat adalah dianggap sebagai

¹² Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, 13: 315.

bidaah yang sesat. Manakala jika ia berupa kebaikan yang tidak menyalahi salah satu daripada yang telah disebutkan ini, maka perkara baru tersebut adalah terpuji¹³.

Manakala menurut Ibn al-Athir bidaah terdiri daripada yang baik dan yang sesat. Jika ia menyalahi apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul SAW, maka ia tergolong daripada perkara yang tercela dan mungkar. Walau bagaimanapun ia dianggap perkara-perkara yang dipuji jika masih lagi termasuk dalam perkara yang digalakkan oleh Allah dan Rasul-Nya¹⁴.

Menurut ‘Abd al-Haq al-Dahlawi, setiap perkara yang timbul selepas Rasul Allah SAW adalah dianggap bidaah. Sekiranya perkara tersebut tidak bertentangan dengan usul sunnah Rasul Allah dan kaedah-kaedahnya atau yang dapat dikias dengannya maka ia adalah bidaah *hasanah*. Jika sebaliknya ia adalah bidaah *sayyi’ah* dan menyesatkan¹⁵.

Oleh itu, berdasarkan carta tersebut, jelas menunjukkan bahawa ahli akademik berpendapat pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi’ah* tidaklah mengelirukan umat Islam kerana bidaah yang *sayyi’ah* ini hanya pada perkara yang berkaitan dengan syarak sahaja.

3.0

Orang yang berilmu juga melakukan bidaah disebabkan oleh kekeliruan tersebut.

Jadual Taburan Kekerapan Item 3.0

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	11	7.3	7.3	7.3
TIDAK SETUJU	34	22.7	22.7	30.0
TIDAK PASTI	25	16.7	16.7	46.7
SETUJU	70	46.7	46.7	93.3
SANGAT SETUJU	10	6.7	6.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	


Sumber: Soal Selidik

¹³ *Ibid.*

¹⁴ ‘Izzat ‘Ali, *al-Bidaah*, 161.

¹⁵ *Ibid.*, 162.

Rajah: Carta palang Item 3.0



Sumber; Soal Selidik

Merujuk jadual 4.28 di atas, bilangan responden yang menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas adalah sebanyak 11 orang, iaitu 7.3%. Responden yang menyatakan tidak setuju pula adalah berjumlah 34 orang, mewakili 22.7%. Dua puluh lima responden atau 16.7% menyatakan tidak pasti dengan perkara ini. Walau bagaimana pun, kenyataan tersebut dipersetujui oleh sebahagian responden yang lain. Antaranya, 70 responden atau 46.7% menyatakan setuju bahawa amalan bidaah yang dilakukan oleh orang yang berilmu adalah disebabkan oleh kekeliruan dan salah faham mereka terhadap konsep pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah*. Manakala 10 responden atau 6.7% lagi sangat setuju dengan kenyataan tersebut.

Berdasarkan item 19 dan 20 ini dapatlah disimpulkan bahawa responden yang tidak setuju dengan kenyataan pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah* telah mengelirukan orang awam lebih banyak berbanding responden yang bersetuju. Manakala kekeliruan di kalangan orang yang berilmu pula, responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut lebih banyak berbanding responden yang menyatakan tidak setuju. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa ahli akademik tidak menyalahkan orang awam di atas kekeliruan tersebut, tetapi orang berilmu yang seharusnya dipersalahkan kerana telah mengelirukan orang awam dengan mengamalkan bidaah.

Hakikatnya, pembahagian bidaah kepada *hasanah* dan *sayyi'ah* tidak mengelirukan umat Islam. Sebaliknya kekeliruan ini disebabkan oleh kekeliruan orang yang berilmu yang mengamalkan bidaah yang mana mereka kurang memahami tentang ciri-ciri bidaah *hasanah* dan *sayyi'ah* yang dimaksudkan oleh Imam al-Syafi'i dan kurangnya pengetahuan mereka terhadap pengajian hadith. Seterusnya amalan mereka ini akan diikuti oleh orang awam. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana orang yang berilmu seperti para ustaz, pendakwah, ahli akademik dan seumpamanya lebih banyak mempelajari dan memahami dan membahaskan hal-hal yang berkaitan dengan pengajian Islam berbanding orang awam. Orang yang berilmu juga adalah merupakan rujukan masyarakat Islam apabila mereka berhadapan dengan pelbagai masalah dan persoalan. Seharusnya mereka menjadi contoh tauladan yang lebih baik kepada masyarakat. Setiap pandangan dan perbuatan mereka akan menjadi ikutan kepada golongan yang lain.

Oleh itu guru-guru agama, pendakwah, ahli akademik, pihak berwajib dan lain-lain perlu mengenalpasti konsep bidaah terlebih dahulu agar mereka tidak terkeliru dan seterusnya mengelirukan umat Islam yang lain. Mereka perlu mengambil berat dan memberi didikan terhadap orang awam agar mereka dapat membezakan antara amalan bidaah dan *al-Sunnah*. Oleh sebab itu, perlu dijelaskan kepada masyarakat

Islam tentang ciri-ciri bidaah *hasanah* dan *sayyi'ah* agar mereka tidak terkeliru dalam membezakan antara keduanya dan tidak berlaku salah faham mereka terhadap pembahagian tersebut¹⁶.

4.0


Bidaah *hasanah* hanya dalam hal-hal duniai sahaja, bukannya dalam ibadat dan akidah

Jadual Taburan Kekerapan Item 4.0

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	10	6.7	6.7	6.7
TIDAK SETUJU	37	24.7	24.7	31.3
TIDAK PASTI	25	16.7	16.7	48.0
SETUJU	66	44.0	44.0	92.0
SANGAT SETUJU	12	8.0	8.0	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah : Carta Palang Item 4.0



Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.28 di atas, responden yang menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas ialah sebanyak 10 orang atau 6.7%. Bagi yang menyatakan tidak setuju, bilangan mereka adalah sebanyak 37 responden, iaitu 24.7%. Dua puluh lima responden atau 16.7% pula menyatakan tidak pasti. Manakala bagi responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut, bilangan mereka adalah 66 orang atau 44%. Sebanyak 12 responden atau 8% pula menyatakan sangat setuju. Oleh itu, majoriti

¹⁶ Jawiah binti Dakir (Prof Dr, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 21 Februari 2013.

responden bersetuju bahawa bidaah *hasanah* dalam hal-hal duniawi sahaja, bukannya dalam ibadat atau akidah.

Menurut Yusuf al-Qaradawi, terdapat di masjid-masjid pengajian dalam pelbagai bidang seperti ilmu fiqh, *usul al-fiqh*, ilmu nahu, saraf, bahasa arab dan balaghah. Kesemua pengajian tersebut tidak pernah dilakukan di zaman Rasul Allah SAW. Walau bagaimana pun perkara ini tidak dianggap bidaah kerana ia dilakukan atas dasar perkembangan semasa dan keperluan hajat serta tidak terkeluar dari *maqasid al-syar'iyyah*. Bahkan ia suatu perkhidmatan yang diperlukan oleh umat Islam. Oleh sebab itu, suatu amalan yang masih di bawah kehendak dan asal usul syariat ia tidak dianggap sebagai bidaah *madhmumah*¹⁷.

5.0

Maksud bidaah dari kata-kata ‘Umar ibn al-Khattab RA iaitu “Sebaik-baik bidaah ialah perkara ini” ialah dari sudut bahasa, bukannya syara’.

Kata-kata ‘Umar al-Khattab RA tersebut adalah:

نَعَمْتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ¹⁸

Jadual Taburan Kekerapan Item 5.0


	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	6	4.0	4.0	4.0
TIDAK SETUJU	27	18.0	18.0	22.0
TIDAK PASTI	35	23.3	23.3	45.3
SETUJU	60	40.0	40.0	85.3
SANGAT SETUJU	22	14.7	14.7	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

¹⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Fatawa Mu‘asirah* (Al-Mansurah: Dar al-Wafa’ 1994), 2: 203.

¹⁸ Malik ibn Anas, *Kitab al-Salat fi Ramadan*, no. Hadith 3. Lihat: (Malik ibn Anas, *al-Muwatta’* (Mesir: Dar al-Hadith, 1993), 1: 114.

Rajah: Carta Palang Item 5.0



Sumber: Soal Selidik

Jadual 4.29 di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas adalah sebanyak 6 orang atau 4% sahaja. Manakala 27 responden atau 18% pula menyatakan tidak setuju dengan perkara tersebut. Bilangan responden yang menyatakan tidak pasti ialah sebanyak 35 orang atau 23.3%. Namun, responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah sebanyak 60 orang atau 40%. Dua puluh dua responden (14.7%) pula menyatakan sangat setuju.

6.0


Umar ibn al-Khattab RA mengumpulkan orang ramai untuk solat tarawih berjemaah asalnya adalah sunnah Rasul Allah SAW.

Jadual Taburan Kekerapan Item 6.0

	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS SAH	PERATUS KUMULATIF
SANGAT TIDAK SETUJU	3	2.0	2.0	2.0
TIDAK SETUJU	16	10.7	10.7	12.7
TIDAK PASTI	21	14.0	14.0	26.7
SETUJU	75	50.0	50.0	76.7
SANGAT SETUJU	35	23.3	23.3	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik

Rajah: Carta Palang Item 6.0



Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 4.30 di atas, bilangan responden yang menyatakan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas hanya tiga orang atau 2%. Sebanyak 16 responden atau 10.7% pula menyatakan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Manakala 21 responden (14%) tidak pasti dengan perkara ini. Majoriti responden bersetuju bahawa solat tarawih berjemaah asalnya adalah sunnah Rasul Allah SAW ialah sebanyak 75 orang atau 50%, iaitu separuh dari keseluruhan responden. Manakala 35 responden atau 23.3% lagi menyatakan sangat setuju.

Oleh itu, majoriti responden bersetuju bahawa maksud bidaah dari kata-kata ‘Umar al-Khattab RA tersebut adalah dari sudut bahasa, bukannya syara’. Kata-kata ‘Umar al-Khattab ini ketika beliau mengumpulkan orang ramai untuk solat tarawih berjemaah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ibn Rajab iaitu perkataan bidaah tersebut hanya dari sudut bahasa sahaja. Ini kerana amalan tersebut masih ada asalnya daripada syara¹⁹ dan ia merupakan salah satu sunnah.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis deskriptif soal selidik ini, dapat dirumuskan bahawa ahli akademik mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan dengan bidang hadith dan konsep bidaah. Mereka juga berpandangan bahawa pengajian hadith kurang diterapkan dalam kalangan masyarakat. Jika dilihat analisis keseluruhan bagi setiap soal selidik terutama mengenai konsep bidaah *hasanah* dan *sayyi’ah*, persepsi mereka adalah bertepatan dengan pandangan para ulama’ seperti al-Nawawi, al-Syatibi, Ibn Hajar al-‘Asqalani dan lain-lain.

Oleh itu, mereka sangat sesuai dijadikan sebagai rujukan masyarakat dalam menyelesaikan kekeliruan dalam memahami hakikat bidaah *hasanah*, terutama sekali ahli akademik yang pakar dalam bidang hadith. Diharapkan penulisan ini dapat memberi panduan kepada tenaga pengajar, institusi dan jabatan agama dan lain-lain dalam memberikan sumbangan ilmu yang bermanfaat kepada seluruh umat Islam dalam memahami hadith Rasulullah SAW serta mengaplikasikan dalam kehidupan. Selain daripada itu, diharapkan juga penulisan ini dapat memberi sumbangan dalam menyelesaikan isu dan pertikaian yang berlaku dalam masyarakat terhadap sesuatu amalan yang tiada dalilnya daripada syarak secara jelas.

¹⁹ Abu al-Tayyib Abadi, ‘Awn al-Ma ‘bud, 2:360

RUJUKAN

- Abd. Al-Rahman ibn. Abu Bakr al-Suyuti, *Haqiqah al-Sunnah wa al-Bid`ah.*, (Mesir: Dar al-Insan, 1985)
- Ahmad bin Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1997)
- ‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1987).
- Abu Yusuf Sulayman, *Al-Mustalahat al-Hadithiyah* (t.t.p: Al-Ma‘had al-Dawli li al-Bunuk wa al-Iqtisad al-Islami, t.t.).
- Amran bin Abdul Halim, *Hadith-hadith berkaitan Bidaah: Analisis terhadap hadith-hadith Sunan al-Sittah*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).
- Bin Abdul Halim, A., Amin, M.Z.M., Yabi, S., Hoque, M., bin Mohd Said, W., bin Syed Hassan, S.N., bin Mohamed, A.K., Rahman, M.M.A. and bin Abdullah, M.A., 2022. Persepsi Ahli Akademik Terhadap Perkembangan Pengajian Hadis Dan Bidaah Dalam Kalangan Masyarakat: Perception of the Academicians on the Growth of the Study of Hadith and Bid’ah Among Society. *Journal Of Hadith Studies*, pp.119-134.
- ‘Abbas Mutawalli, *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Makanatuha fi al-Tasyri*’, (t.t. dan t.t.p.).
- ‘Ali ibn. Hasan al-Halabi, *Ilm Usul al-Bida*’, (Riyad: Dar al-Rayah, 1992).
- Azmi, A.S. and Ismail, M.Y., 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*.
- Halim, A.A., Yabi, S. and Hoque, M., 2019. Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies*.
- Ibrahim ibn. Musa al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari‘ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991).
- Ibrahim ibn. Musa Al-Syatibi, *al-I‘tisam., tahqiq Salim al-Hilali*, (Arab Saudi: Dar Ibn ‘Affan, 1992).
- ‘Izzat ‘Ali, *al-Bidaah*, 165. Ardiansyah, *Perspektif Imam Al-Syatibi terhadap Konsep Sunnah dan Bidaah: Analisis terhadap Kitab Al-I‘tisam dan Al-Muwafaqat* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).
- Malik ibn Anas, *al-Muwatta*’ (Mesir: Dar al-Hadith, 1993)
- Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1981)
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha* (Bangi: Dar al-Shakir, 2011).
- Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1981).
- Muhammad ibn ‘Isa al-Tirmidhi, Kitab al-‘Ilm, no. hadith 2685. Lihat Muhammad ibn ‘Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1994).

Muhammad ibn Yazid ibn Majah al-Qazwini, Al-Muqaddimah, no. hadith 42. Lihat: Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Al-Qahirah: Dar al-Hadith 1994).

Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publications & Distributor SDN. BHD, 2003)

Sulayman ibn al-Asy‘as Abu Dawud al-Sijistani, Kitab al-Sunnah, no. hadith 4607. Lihat Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy‘ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, *Sunan Abu Dawud* (Beirut: Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.).

Yusuf al-Qaradawi, *Fatawa Mu‘asirah* (Al-Mansurah: Dar al-Wafa’ 1994)

Soal Selidik dan Temubual